



BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN INOVASI PENOREHAN (PIP) TAHUN 2016

Borang ini hendaklah dikembalikan selewat-lewatnya pada 21 JANUARI 2016 (JUMAAT), JAM 5.00 PETANG melalui pos/fax kepada :

Urusetia Pertandingan Inovasi Penorehan 2016
Bahagian Pengembangan dan Pemindahan Teknologi
Tingkat 2, Ibu Pejabat RISDA
Jalan Ampang,
50990 Kuala Lumpur
(u.p : Pn. Nor Azilah Azlin bt. Mohd Jamel Zabidi)
Tel : 03 - 4256 4022 samb. 207
Faks : 03 - 4251 9715
E-mel : bppt@risda.gov.my

Untuk kegunaan pejabat sahaja

Tarikh Terima :

No. Rujukan :

No. Gerai Pameran :

Tajuk Inovasi :

1. Nama Ketua Kumpulan : _____

2. No. Kad Pengenalan (KP) : _____
(Sila sertakan salinan KP)

3. Alamat surat-menyurat : _____

No. Telefon : _____ No. Tel. Bimbit : _____

No. Faks : _____ E-mel : _____

4. Nyatakan nama-nama ahli projek (maksima 2 orang)

5. Sila huraikan penciptaan produk inovasi anda dengan menggunakan tidak melebihi **LIMA (5) MUKASURAT SAHAJA**.

(Bilangan mukasurat ini tidak termasuk lampiran seperti sijil, lakaran, gambarajah, lukisan atau gambar foto inovasi. Huraian perlulah mengambilkira kriteria pemarkahan seperti yang dinyatakan)

Saya dengan ini mengesahkan bahawa produk inovasi ini adalah hakmilik saya/kumpulan dan bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat penyertaan yang telah ditetapkan.

Tarikh : _____

Tandatangan : _____

(Nama : _____)

Perakuan Ketua Jabatan / Dekan

Saya dengan ini bersetuju dan memperakui bahawa inovasi yang dikemukakan ini dipertandingkan dalam Pertandingan Inovasi Penorehan 2016.

Tarikh : _____

Tandatangan : _____

(Nama : _____)

Cop Jabatan :

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Pertandingan Inovasi Penorehan 2016 ini terbuka kepada semua kakitangan RISDA, Syarikat Milikan RISDA, serta pelajar IPTA dan IPTS.
2. Pertandingan ini dibuka sehingga **29 Julai 2016** (Termasuk tempoh merekacipta inovasi dan ujian di lapangan).
3. Penyertaan adalah secara individu atau berkumpulan (maksimum 3 orang). Termasuk seorang penyelia pelajar bagi penyertaan dari IPTA atau IPTS.
4. Setiap individu/kumpulan dibenarkan menghantar seberapa banyak penyertaan dengan menggunakan satu borang sahaja bagi satu inovasi yang ingin dipertandingkan. Salinan borang fotostat juga diterima.
5. Tiada yuran penyertaan yang dikenakan. Segala kos yang terlibat didalam penciptaan inovasi adalah di bawah tanggungan sendiri.
6. **Penciptaan hendaklah merupakan alat yang boleh digunakan untuk mengeluarkan lateks (susu getah).**
7. Penciptaan mestilah asli dan belum pernah dipertandingkan dalam mana-mana pertandingan inovasi peringkat kebangsaan.
8. Setiap penyertaan mestilah melalui ketua jabatan/dekan masing-masing.
9. Borang penyertaan boleh didapati di Semua Pusat Tanggungjawab RISDA atau dimuat turun dari laman sesawang RISDA (www.risda.gov.my).
10. **Borang penyertaan mestilah sampai ke urusetia pertandingan selewat-lewatnya pada 29 Januari 2016 (Jumaat), jam 5.00 petang.**
11. Tempoh merekacipta inovasi adalah enam (6) bulan dari tarikh tutup penyertaan termasuk ujian di lapangan.
12. **Setiap penyertaan inovasi hendaklah disertakan sekali dengan profil projek dan perlu diserahkan kepada Urusetia pertandingan selewat-lewatnya pada 29 Julai 2016 (Jumaat), jam 5.00 petang. Profil projek tersebut hendaklah dibuat dalam satu (1) salinan *soft copy* dan tujuh (7) salinan *hard copy* menggunakan format *Power Point*.**
13. Profil projek mestilah mengandungi pekara-pekerja berikut:
 - Biodata ringkas peserta.
 - Penerangan ringkas mengenai produk inovasi yang dihasilkan.
 - Masalah – masalah yang dihadapi sebelum inovasi.
 - Faedah – faedah yang diperolehi setelah produk inovasi dicipta.
 - Data ujian di lapangan termasuk video cara penggunaan produk inovasi.
 - Lukisan teknikal dan gambar – gambar produk inovasi.
14. Borang penyertaan dan profil projek yang diterima selepas tarikh dan masa yang telah ditetapkan akan ditolak secara automatik. Bukti penghantaran bukanlah bukti penerimaan.
15. Pihak penganjur berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi syarat – syarat yang telah ditetapkan.
16. Hanya peserta yang berjaya melepasi proses senaraipendek sahaja yang akan dijemput untuk membuat persembahan dan pameran serta diadili oleh Jawatankuasa Penilaian PIP 2016 bagi penentuan pemenang.
17. Keputusan pertandingan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Penilaian PIP 2016 yang dilantik. Keputusan panel hakim adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.
18. Produk inovasi yang berjaya ke peringkat penilaian Jawatankuasa Penilaian PIP 2016 mestilah siap sedia di gerai pameran untuk dinilai dan berada di gerai pameran sepanjang pameran berlangsung.
19. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan/kehilangan produk inovasi yang dipamerkan.
20. Hadiah pertandingan.
 - i. Johan - Wang tunai RM 5,000, piala dan sijil
 - ii. Naib Johan - Wang tunai RM 3,000, piala dan sijil
 - iii. Ketiga - Wang tunai RM 2,000, piala dan sijil
 - iv. Saguhati (peserta yang melepasi proses senaraipendek) - Wang tunai RM 800 dan sijil

KRITERIA PENILAIAN

1. Idea
 - Idea yang dicetuskan bagi menghasilkan produk inovasi itu diukur dari segi kreativitinya iaitu dengan menilai keaslian dan adaptasi.
2. Hasil inovasi
 - Hasil produk inovasi akan diukur dengan mengambil kira pelaksanaan atau percubaan di lapangan.
3. Impak
 - Menilai sejauh mana produk inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri seperti berikut :
 - i. Penjimatan masa
 - ii. Penjimatan kos
 - iii. Peningkatan produktiviti
 - iv. Mudah digunakan
4. *Replicability*
 - Sejauh mana produk inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri *replicability* di mana inovasi tersebut boleh diguna pakai di semua tempat dan keadaan.
5. *Signifikan*
 - Menilai sejauh mana produk inovasi yang dihasilkan dapat memberi impak kepada keberkesanan dan kecekapan teknologi penorehan.